

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan tidak ada sebarang perubahan kepada silibus pengajaran dan pembelajaran yang disesuaikan untuk pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh PKP sebelum ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Perubahan kurikulum memerlukan kajian yang terperinci dan mendalam agar ianya tidak memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan pembelajaran dan pendidikan murid secara keseluruhan pada masa depan.

KPM telah melaksanakan penjajaran kandungan kurikulum mata pelajaran. Penjajaran ini difokuskan kepada Kandungan Asas (KA) supaya murid dapat disediakan untuk pembelajaran peringkat seterusnya. Kandungan Tambahan (KT) dan Kandungan Pelengkap (KP) pula boleh dilaksanakan mengikut keupayaan murid.

Bagi memperkasakan pelaksanaan kurikulum tersebut, KPM turut memperkenalkan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program KPMPerkasaKU dirangka dengan tujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Di samping itu juga, program ini menyediakan pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran. Bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilaksanakan secara berterusan dalam tempoh PdP dan PdPR.